


Rabu, 5 Februari 2020 | 1:01pm



Pegawai penguatkuasa KPDNHEP melakukan pemeriksaan di sebuah kedai menjual pakaian sukan tiruan di Kuala Berang, Hulu Terengganu. - Ihsan KPDNHEP

## Pakaian jenama tiruan dirampas

Oleh Baharom Bakar  
bhnews@bh.com.my

**KUALA TERENGGANU:** Penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) negeri merampas 571 pakaian tiruan dalam operasi Jeriji secara serentak antara jam 11 pagi dan jam 3 petang, semalam.

Ketua Pegawai Penguatkuasanya, Nor Azmi Lamisza menegaskan, rampasan di dua premis perniagaan pakaian itu dilakukan hasil risikan dan aduan pemilik asal pakaian berkenaan.

Jelasnya, sebanyak 139 baju jersi dan 192 seluar sukan tiruan dianggarkan bernilai RM11,585 dirampas pada serbuan dilakukan di sebuah premis di bandar Kuala Berang, Hulu Terengganu.

"Rampasan sebanyak 240 helai seluar tiruan bernilai RM8,400 dirampas ketika serbuan dilakukan di sebuah premis di Bukit Payong, Marang.

"Dua lelaki dipercayai pemilik premis berusia 34 tahun dan 46 tahun ditahan untuk siasatan mengikut Seksyen 102 (1), (c), Akta Cap Dagang 2019," katanya.



Nor Azmi menjelaskan, modus operandi dilakukan dua peniaga yang tidak beretika itu adalah ingin mendapatkan keuntungan dengan cara mudah sehingga mengabaikan kepentingan pengguna.

Beliau berkata, jika sabit kesalahan dua peniaga terbabit boleh dikenakan hukuman mengikut Seksyen 100 (1) (ii), Akta Cap Dagang 2019 dan boleh dijatuhi hukuman denda sehingga RM10,000 atau penjara sehingga tiga tahun atau kedua-duanya sekali.

"Jika didapati peniaga terbabit mengulangi kesalahan kedua, dia boleh didenda sehingga RM20,000 atau penjara sehingga lima tahun atau kedua-duanya," katanya.

